

Pembangkang sukar hadapi pilihan raya — Kit Siang

UM 14 MAY 2002
PETALING JAYA 13 Mei — Pengerusi DAP, Lim Kit Siang mengakui parti-parti pembangkang kini berdepan dengan keadaan sukar untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang.

Menurutnya, ini berikutan peralihan semula sokongan rakyat terhadap Barisan Nasional (BN) dan perubahan senario politik tempatan dan antarabangsa.

“Keadaan sukar itu tidak perlu disembunyikan dan parti-parti pembangkang perlu mengakui hakikat tersebut,” katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bahawa sokongan golongan muda terhadap UMNO semakin ketara sekarang.

Menurut Dr. Mahathir, keadaan itu memberi amaran kepada parti pembangkang bahawa BN mamnu memperoleh majoriti lebih besar pada pilihan raya umum akan datang.

Kata Presiden UMNO itu, jika sokongan dan penyertaan generasi muda itu berterusan, musuh UMNO akan menerima padahnya.

Berikutan itu, kata Kit Siang, sebarang usaha untuk menyingkirkan Perdana Menteri pada pilihan raya akan datang harus diketepikan.

“Bagi DAP, sasaran kita tetap untuk menafikan majoriti dua pertiga BN di Dewan Rakyat dan seterusnya menafikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam,” katanya.

Mengulas lanjut, Kit Siang mendakwa perubahan sokongan rakyat itu bukan disebabkan oleh kejayaan dasar-dasar kerajaan tetapi kebijaksanaan kerajaan mengeksplorasi tragedi 11 September.

Katanya, sejak peristiwa itu, kerajaan telah menggunakan sepenuhnya peluang yang wujud untuk ‘menakut-nakutkan’ rakyat sehingga mereka kembali menyokong kerajaan.